

Fountain of KNOWLEDGE

Pustaka Negeri Sarawak ■ Pustaka Miri

ISSN No. 1675-1183

October - December 2010

Volume 47



SESI CERAMAH...Ceramah ini telah banyak menarik perhatian para peserta yang datang.

KHUSYUK...Para peserta yang khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan



THE WEIGHT DILEMMA IN CHILDREN

oleh **Norlailawaty Bt Ismail** (norlaili2@sarawaknet.gov.my)

Kesihatan adalah satu isu yang penting dan individu yang sihat boleh memainkan peranan yang efektif dalam pembangunan masyarakat dan negara. Pada 25 November 2010 (Khamis) yang lepas, satu ceramah Program Kesedaran Kesihatan telah diadakan di Galeri, Pustaka Negeri Sarawak. Ceramah ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya para ibu bapa mengenai masalah kegemukan atau obesiti dikalangan kanak-kanak. Ceramah bertajuk "The Weight Dilemma in Children" oleh Dr. George Ting (Consultant Paediatrician) Normah Medical Specialist Centre. Dr. George Ting turut mengupas senario pemakanan masyarakat di negara ini secara umum.

Ceramah ini mengupas mengenai faktor dan punca yang menyumbang ke arah masalah kegemukan atau masalah obesiti dikalangan kanak-kanak dewasa ini. Dr George Ting juga menerangkan mengenai risiko dan komplikasi kesihatan lain yang boleh dihadapi oleh mereka yang mengalami masalah obesiti terutamanya di kalangan kanak-kanak. Di samping itu, Dr. George Ting juga turut mengundang Cik Iris, pakar nutrisi dari Normah Medical Specialist Centre untuk turut berkongsi pengetahuan mengenai pentingnya pemakanan seimbang di kalangan kanak-kanak. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab di antara peserta yang hadir dan penceramah. Sesi di akhiri dengan penyampaian cenderamata dari Pustaka Negeri Sarawak kepada Dr. George Ting.

MESSAGE FROM

THE ACTING CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Assalamualaikum wbt.

Sejak awal penubuhan Pustaka Negeri Sarawak, kami berhasrat agar Pustaka Negeri Sarawak bakal menjadi pusat kecemerlangan bagi mengumpul maklumat mengenai Sarawak atau "Sarawakiana". Cerita rakyat, muzik, gaya hidup, makanan, sejarah, pencapaian dan sebagainya yang berkaitan dengan negeri dan masyarakat Sarawak haruslah dipelihara untuk tatapan generasi yang akan datang sebagai rujukan dan penghargaan.

Justeru, bersempena Ulang Tahun ke-10, Pustaka telah menganjurkan Karnival Sarawakiana @Pustaka 2010. Kami berharap ahli masyarakat terutamanya generasi muda dapat mengambil kesempatan ini untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai warisan budaya kita. Melupakan nilai-nilai tradisional, adat istiadat dan interaksi sosial akan membuat kita rentan terhadap unsur-unsur asing dan nilai-nilai yang hampir sepanjang masa, mungkin tidak sesuai untuk masyarakat kita. Pelbagai acara disajikan semasa karnival ini seperti forum Warisan Muzik dan Tarian Etnik Sarawak, bengkel, demonstrasi makanan tradisional Sarawak, pameran dan sebagainya.

Saya yakin sekiranya karnival sebegini diteruskan pada masa akan datang dan ditambah pula dengan kerjasama dan penglibatan semua pihak, maka karnival ini akan berjaya mencapai objektifnya sebagai pusat intelektual serta pembelajaran sepanjang hayat dari segi sejarah, kebudayaan dan kesenian Sarawak.

Japri Bujang Masli

Editorial Committee

Advisor

Japri Bujang Masli

Editor-in-Chief

Nesly Rebid

Committee Members

Laurena Aloha, Edison Ricket, Bronny Lawrence Nawe, Sofina Tan Sofian Tan, Alya Faeegah Hamali, Norzihan Abdullah, Mohd. Nizam Abang Takip

This newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : librarian@sarawaknet.gov.my



BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA SELEBRITI SEMPERNA KARNIVAL SARAWAKIANA @ PUSTAKA 2010

oleh **Norlailawaty Bt Ismail** (norlaii2@sarawaknet.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Bacaan Kegemaran Saya bersama Selebriti bersempena Karnival Sarawakiana@Pustaka 2010 di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak pada 10 Oktober 2010 yang lepas. Sesi ini diadakan untuk menarik minat pembaca untuk berkongsi bahan bacaan masing-masing. Disamping itu, sesi ini juga bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar sekolah.

Selebriti yang dijemput khas untuk sesi ini adalah selebriti terkenal iaitu Dayang Nurfaizah Awang Dowty dengan bukunya *The power of giving*. Buku tersebut mengupas mengenai isu potensi diri dan bagaimana untuk mencapai objektif dalam kehidupan. Manakala Adi Hamiz Johar pula membentangkan buku bertajuk *Buat sampai Jadi* yang membicarakan mengenai pendekatan motivasi ringkas dan relaks tetapi padat dengan ilmu dan pengajaran yang berguna. Sesi pada hari tersebut mendapat sambutan meriah daripada pengunjung Pustaka Negeri Sarawak dengan jumlah peserta seramai 200 orang.



KAMI MINAT MEMBACA...*Sesi soal jawab antara moderator Zakaria Hassan bersama Dayang Nurfaizah dan Adi Hamiz Johar*



PUPPET SHOW WITH JUHA LAUKKANEN AND BORN TO READ PROGRAM AT PDK BAU

oleh **Norassima Bt Sitam** (norassis@sarawaknet.gov.my)

The puppet show by Juha Laukkannen was jointly organized by Pustaka Negeri Sarawak and Pusat Dalam Komuniti Bau, Sarawak. It was held on November 22, 2010 from 9.00 am to 01.00 pm. at Dewan Suba Bau. The objective of this program was to introduce children to experience the puppet performance. About a hundred and fifty children, special group and parents attended the show.

Apart from the show, a puppet workshop was also held for the parents and special groups. Some hundred participants learnt the simple techniques to make puppets as well as the art of storytelling through puppetry.

In addition to this, the Born to Read program was also organized by the Information Service Division. The objective of the program is to inculcate reading habit among the public from birth. About 20 expectant mothers participated in this program.



PUPPET WORLD...*The happy sessions with Juha Laukkannen*



KOLEKSI MENDIANG HO AH CHON DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

oleh Aidashermilla Bt Hashim
(aidasheh@sarawaknet.gov.my)

KAGUM... YB Datuk Haji Talib Zulpilip, Menteri Muda Pelancongan Negeri Sarawak diiringi oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak dan tetamu kehormat lain melawat ke pameran gambar mendiang Ho Ah Chon di bilik Koleksi Khas, Pustaka Negeri Sarawak



SIMBOLIK... Lo menyerahkan simbolik penyerahan koleksi mendiang Ho Ah Chon kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak disaksikan oleh YB Datuk Haji Talib Zulpilip, Menteri Muda Pelancongan Negeri Sarawak

Bersempena dengan Karnival Sarawakiana@Pustaka 2010 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Talib Zulpilip, Menteri Muda Pelancongan Negeri Sarawak pada 8 Oktober 2010 yang lalu, Lo cucu kepada mendiang Ho Ah Chon telah menyerahkan bahan koleksi mendiang Ho Ah Chon sebagai hadiah secara rasminya kepada Pustaka Negeri Sarawak.

Koleksi ini secara umumnya merupakan pelbagai koleksi fotografi oleh mendiang Ho Ah Chon. Mendiang merupakan seorang jurugambar bebas yang mengambil gambar berkaitan dengan negeri Sarawak selama lima dekad untuk tujuan koleksi peribadi beliau. Kemudiannya koleksi terbabit telah dibukukan dan diterbitkan sejak dari tahun 1986. Gambar-gambar tersebut mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana ianya merakamkan perkembangan pembangunan negeri Sarawak khususnya di sekitar bandaraya Kuching. Umumnya koleksi ini amat berguna kepada para penyelidik dan masyarakat umum yang berminat untuk mengkaji sejarah pembangunan negeri Sarawak.

Sehubungan dengan itu, kepada sesiapa yang berminat untuk menyerahkan bahan koleksi peribadi kepada Pustaka Negeri Sarawak yang mempunyai nilai sejarah bolehlah menghubungi Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak seperti alamat di bawah:

Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
Petra Jaya 93050
Kuching Sarawak

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui:

Emel : librarian@sarawaknet.gov.my;
dayanghg@sarawaknet.gov.my
Tel : 6 082 442000 ext.: 277
Faks : 6 082 449944
Pegawai Seranta : Dayangku Horiah Awang Gani

STORY MAGIC WITH KIRAN SHAH @ PUSTAKA NEGERI SARAWAK

oleh Edison Ricket (edisonr@sarawaknet.gov.my)

The Information Services Division held a special storytelling session at Pustaka Negeri Sarawak, Seminar Room 1 & 2 on December 05, 2010 from 10.00 am to 11.30 am that was attended by a hundred and fifty children including parents. Madam Kiran Shah treated the children, aged 3 to 8, to a magic carpet tour as she took them to different lands to meet the people and the animals from places near and far. Kiran enthralled the children with her stories by using simple props. A pen, a sheet of paper, a piece of string, and some musical instruments were used to tell stories.

About Kiran Shah:

For the past 30 years, Kiran has gone through various colourful experiences - from social worker to early childhood educator, to storyteller and bringing bits of her previous life experiences and Singaporean Indian cultural



FUN... The kids are enjoying the storytelling session with Kiran Shah.

heritage into her passion for storytelling. She had done story telling at numerous venues (schools, parks, libraries, museums, even on a regular train in Singapore) to all categories of audiences (smallest 4, largest 1600, youngest 2 years, oldest 90!). Kiran has also participated in storytelling festivals in Singapore, Brisbane (2003), Perth (2005), Jakarta (2005), Isle of Skye (2006), Darwin (2010).

Being a globe-trotter, Kiran has lived and worked in the U.S., Japan and Sri Lanka and travelled extensively around Asia. She is now delighted to call Australia her new home and to share tales from Asia and beyond to audiences here.



TOWNINTERVIEW... A webchat with US State Secretary Hillary Rodham Clinton.

The Lincoln Corner of Pustaka Negeri Sarawak, together with the US Embassy Kuala Lumpur and Lincoln Corner Kuala Lumpur Library, organised the "TOWNINTERVIEW": A Webchat With United States Secretary of States Hillary Rodham Clinton on November 02, 2010.

About 100 participants, comprising of students, NGO representatives, entrepreneurs and government officials came to engage in a conversation with Secretary of State Clinton on themes ranging from women's empowerment, education, and entrepreneurship to Afghanistan and the prospects for peace in the Middle East.

The hour-long webchat focused on various issues on education and social responsibilities. It also highlighted the role of entrepreneurship in addressing common challenges and building partnerships that will lead to greater opportunity abroad and at home. Also in the conversation, was about the role that entrepreneurs can and must play in a healthy, thriving, prosperous and stable society, and how each of us, regardless of where we live or who we are, can help to spread the principles and the benefits of entrepreneurship to people everywhere.

"TOWNINTERVIEW": A WEBCHAT WITH US STATE SECRETARY HILLARY RODHAM CLINTON

oleh Norassima Bt Sitam (norassis@sarawaknet.gov.my)

These key topics are both interesting and important for our new generations as they prepare for future leadership. Question and Answer session via webchat was also provided for the participants with the Secretary of State, Hillary Clinton. The audience enjoyed the program "TOWNINTERVIEW" immensely and felt that the session should be longer to give them the rare opportunity to pose more questions to Hillary Clinton.

This was Secretary Clinton's maiden trip to Malaysia in any capacity and she is also the first U.S. Secretary of State to make a bilateral visit to Malaysia since Warren Christopher visited Malaysia in 1995.



CARTOON ILLUSTRATION WORKSHOP FOR KIDS @ PUSTAKA NEGERI SARAWAK

oleh Edison Ricket (edisonr@sarawaknet.gov.my)

On October 29, 2010, Information Services Division organized two sessions of 'Cartoon Illustration Workshop For Kids'. It was held at the Gallery with of total of 100 participants, children ranging from 6 – 12 years. The first Session conducted from 08.00 am to 9am, was targeted for pupils of year 1 to 3 and the second session for pupils of year 4 to 6, which was held from 09.30am to 10.30 am.

The workshop was held with the objective of promoting and developing art appreciation as well as to inspire young people to enjoy drawing. The Cartoonist also aimed to introduce cartooning as a unique art, which, not only entertains but also interprets and reflect our Malaysian culture. Madam Angeline Tan who is the workshop facilitator is also a Cartoonist. She comes from Sibu.

ENJOY DRAWING...Introducing the world of cartoon to the children.

PERTANDINGAN "SPELLING WIZARD CHALLENGE @PUSTAKA 2010"

oleh Fatimah Yahya (fatimahy@sarawaknet.gov.my)

Pertandingan 'SPELLING WIZARD CHALLENGE@PUSTAKA 2010' telah berlangsung pada 23 Oktober 2010 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Untuk tahun ini pertandingan ini terbuka kepada peringkat Sekolah Rendah Tahun 4, 5 dan 6. Seramai 47 peserta dari 16 buah sekolah telah menyertai pertandingan tersebut.

Hakim untuk pertandingan ini adalah terdiri dari tenaga pengajar iaitu Josephine anak Eddie Saga (Hakim), Agnes Molly Anak Eddie Saga (Hakim), Gilbert Chung Siang Hui (Pronoucer), Kenneth Chong Wei Thart (Pronoucer) dan pelajar yang diberi rekomendasi oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

Pemenang pada hari tersebut ialah Farhana Mohammad Abdul Kadir dari SK St Theresa sebagai Johan, Naib Johan Siti Nurul Adilah Mohd Zaki dari SK Rakyat Jln Bolhassan dan Tempat ketiga Danial Haziq Khairul Anuar dari SK Batu Lintang. Ketiga-tiga pemenang telah menerima sebuah piala, cenderamata dari Pustaka dan masing-masing menerima boucher buku sebanyak RM200, RM150 dan RM100.



TAHNIH KEPADA PARA PEMENANG...

Barisan Belakang (Dari Kanan) :

Agnes Molly (Judge), Josephine (Judge), Gilbert Chung (Pronoucer) dan Kenneth Chong (Pronoucer)

Barisan Hadapan Dari Kanan :

Nor Hanina Affendi (Sk Kenyalang), Deena Ilyana Nafri (Sk St Mary)

Naib Juara : Siti Nurul Adilah Mohd Zaki (Sk Rakyat Jln Hj Bolhassan)

Johan : Farhana Mohammad Abd Kadir (Sk St Teresa),

Tempat Ke 3 : Danial Haziq Khairul Anuar (Sk Batu Lintang),
Lim Rui Zhe (Sk Song Kheng Hai),
Alia Azman (Sk Merpati Jepang),
Alyanur Awang Ali (Sk Merpati Jepang)

CERAMAH SARAWAKIANA: SENI TATU IBAN

oleh Edison Ricket (edisonr@sarawaknet.gov.my)

Ceramah Sarawakiana yang disampaikan oleh Ernesto Kalum (Artis Tatu) adalah bertajuk 'Seni Tatu Iban' pada 09 Disember 2010 pada jam 2:30 petang, di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Seramai 183 orang peserta yang hadir, terdiri daripada wakil-wakil jabatan kerajaan, persatuan-persatuan budaya, NGO's, aktivis budaya dan orang awam pada hari tersebut.

Tatu berasal daripada perkataan Tahiti yang bermaksud melakar sesuatu. Tradisi bertatu (bercacah) badan sebenarnya sudah lama wujud di kalangan masyarakat Iban, malah pernah menjadi status penting untuk menunjukkan kehebatan dan kekuatan setiap lelaki pada zaman itu. Antara motif yang begitu terkenal dari dulu hingga sekarang ialah bunga terung atau "bungai terung" dalam bahasa Iban. Motif suku Iban ini sebenarnya pernah hampir pupus pada tahun 1970-an apabila ia digantikan dengan motif dari Jepun seperti singa dan naga. Menurut penceramah, tatu adalah lambang peribadi, bukan untuk menunjukkan kekuatan atau simbol kejahatan tetapi lebih kepada apresiasi seni.

PENCERAMAH SENI TATU IBAN...Ernesto Kalum menyampaikan ceramah beliau kepada peserta yang hadir



CANTIK DAN BERGAYA...Para peserta merakamkan kenangan bergambar beramai-ramai dengan mengayakan pakaian tradisional masing-masing sempena Pertandingan Warisan Budaya Sarawak

PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA SARAWAK 2010

oleh Noranita Hj. Kerim (noranitk@sarawaknet.gov.my)

Pertandingan Warisan Budaya Sarawak 2010 telah diadakan pada 27 Oktober 2010 merupakan pertandingan yang pertama kali diadakan sempena Karnival Ilmu Kanak-kanak 2010. Pertandingan Warisan Budaya Sarawak pada tahun ini bertemakan pakaian tradisional etnik Sarawak. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menyebarkan minat untuk mengetahui kebudayaan yang terdapat di Malaysia secara amnya, khususnya di Sarawak. Melalui pertandingan ini juga, mereka dapat mengasah bakat serta petah berbicara dalam bidang pengucapan awam dan mencari maklumat secara efektif. Terdapat 3 komponen dalam pertandingan ini, iaitu kelas literasi maklumat, pengucapan awam dan memperagakan pakaian tradisional etnik Sarawak yang dipilih oleh para peserta sendiri. Seramai 29 orang peserta dari 15 buah sekolah yang dijemput telah menyertai pertandingan ini. Nur Edriana Sarkawi dari Sekolah Kebangsaan ST Teresa telah dinobatkan sebagai Johan pertandingan Warisan Budaya Sarawak 2010. Manakala naib johan pula dimenangi oleh Dayang Nor Azizah Awg Khairuddin (Sekolah Kebangsaan Encik Buyong) dan Mohd Hafiz Jamel (Sekolah Kebangsaan RPR Jalan Astana) sebagai pemenang tempat ke 3.

SUSEY 5S

oleh **Ammie Syarina Bt Mohd Jelani**
(ammies@sarawaknet.gov.my)

5S "Giant Cleaning" disertai oleh Ketua-Ketua Sektor dan semua kumpulan 5S di Pustaka Negeri termasuk Bangunan State Record Repository (SRR). Dengan berbekalkan semangat 5S, semua kumpulan telah sedaya upaya untuk menjalankan aktiviti 5S seperti, melabel, menyusun, mengemaskini dan membuang barangan yang tidak diperlukan.

Tujuan 5S "Giant Cleaning" di adakan kali ini adalah untuk memberi peluang kepada kumpulan 5S untuk membuat Final Touch sebelum lawatan Pembangunan Sistem Amalan Persekitaran Bekualiti 5S oleh Pihak MPC yang dijadualkan pada 22 Oktober 2010.



"GIANT CLEANING"...Staf diberi peluang untuk membuat "find touch" sebelum lawatan dari Pihak MPC



LAWATAN DARI MPC@ 22 OKTOBER 2010

Lawatan Pembangunan Sistem Amalan Persekitaran Bekualiti 5S, diwakili oleh Mohd. Norjayadi Tamam dan Khairul Nazir Nawi selaku Juruaudit 5S telah memberi semangat baru kepada semua kumpulan 5S dan Jawatankuasa Penggerak 5S. Semua Fail Jawatankuasa dan fail kumpulan telah diaudit dan mereka amat berpuashati kerana semua kumpulan telah membuat penambahbaikan keatas teguran yang pertama semasa lawatan yang lepas.

NASIHAT...Encik Khairul, Pegawai MPC menasihati dan memberi semangat kepada Jawatankuasa Penggerak 5S

AUDIT DALAMAN@ 9 -22 NOVEMBER 2010

Sesi audit dalaman siri 3/2010 telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama dan sokongan dari Pihak Pengurusan dan staf Pustaka. Kali ini sesi audit dalaman diketuai oleh Norasemah Drahan.

Tahniah kepada semua pemenang Kategori Individu dan Kumpulan Terbaik.

Kategori	Individu	Kumpulan
Terbaik	Wan Mazli Wan Razali	Tantaro Sinbei (SRR)
Harapan I	Nesly Rebid	Conan (SRR)
Harapan II	Haspidawati Haji Bujang	Ben-10 (SRR)

Tahniah sekali lagi kepada Repositori Rekod Negeri (SRR) kerana telah berjaya menggonddol kategori Kumpulan Terbaik, Kumpulan Harapan I dan Kumpulan Harapan II.



CONTOH...Bilik Pencetakkan antara contoh terbaik oleh Kumpulan Conan

LAGU 5S PUSTAKA

Tahniah kepada Norzihan Abdullah, Mohd Abdullah Hamdan dan Suhaimi Bemban kerana telah berjaya menghasilkan lagu 5S Pustaka dan telah diperdengarkan buat pertama kalinya semasa Perasmian Hari Inovasi Pustaka 2010 pada 13 Disember 2010 yang lepas. Mereka membawa pulang RM500 beserta sijil penghargaan dari Pustaka Negeri. Lagu 5S Pustaka akan didendangkan setiap kali siaran I-FM ke udara.



LAGU 5S PUSTAKA...
Dicipta oleh Norzihan Abdullah dan Mohammad Abdullah Hamdan, turut dinyanyikan oleh Suhaimi Bemban

HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA MINGGU INOVASI

oleh Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawaknet.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Minggu Inovasi bermula 13-17 Disember 2010 yang lalu. Majlis Perasmian yang diadakan pada 13 Disember 2010 telah dirasmikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Japri Bujang Masli dan dihadiri oleh Staf Pustaka Negeri Sarawak dan Staf dari Perpustakaan Awam seluruh Sarawak bersempena dengan Seminar Perpustakaan Awam Sarawak II – Zon Selatan yang turut diadakan pada minggu tersebut.



CERIA DAN MESRA...Konsep Hari Bersama Pelanggan bersempena Minggu Inovasi 2010

Untuk aktiviti sepanjang minggu Inovasi, Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran telah membuka Kaunter Hari Bersama Pelanggan di Lobi Pustaka Negeri Sarawak. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah Penjualan CD dan Buku Siri Sarawakiana, "Information Repackaging" dan pameran tentang perkhidmatan yang ada di Pustaka Negeri Sarawak. Selain daripada itu, pengunjung-pengunjung juga menerima pelbagai cenderamata menarik dan eksklusif dari Pustaka Negeri Sarawak apabila menjawab kuiz-kuiz yang diberikan. Pusat Pakar Perubatan Normah telah turut serta di dalam Program Derma Darah yang diadakan pada hari terakhir minggu Inovasi.

TURUT SERTA...Staf Pustaka turut serta di dalam Program Menderma Darah oleh Pusat Perubatan Pakar Normah



SEMINAR KESEDARAN PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN

oleh Jassalini Jamain (jassalii@sarawaknet.gov.my)



KENANGAN...Bergambar bersama sebahagian daripada peserta seminar.

Pada 19 dan 20 Oktober 2010 Bahagian Penyerahan Bahan-bahan Terbitan Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan bertempat di Hotel Meligai, Kapit. Seminar selama dua hari tersebut adalah anjuran bersama antara Pustaka Negeri Sarawak dan Pejabat Resident Bahagian Kapit.

Objektif seminar adalah untuk memberi penerangan dan kefahaman tentang "Legal Deposit", keperluan, faedah dan implikasi, meningkatkan kesedaran tentang perlunya terbitan Negeri dikumpul untuk dipelihara sebagai warisan intelek bangsa, menjalin kerjasama dikalangan penerbit dan Pustaka Negeri Sarawak dan tanggungjawab mereka terhadap keperluan yang termaktub di bawah Sarawak State Library Ordinance, 1999 serta memberi penjelasan tentang peranan Pustaka Negeri Sarawak sebagai Pusat Penyerahan Negeri.

Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Larry Sng Wei Shien iaitu Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri/Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Perancangan)/ Menteri Muda Hal Ehwal Belia dan Latihan Belia.

PENYERAHAN...5 naskah buku 'Yesterday's Frontier, Tomorrow's Powerhouse' diserahkan oleh Pejabat Resident Bahagian Kapit kepada Pustaka Negeri Sarawak



Seramai 61 orang peserta telah menyertai seminar tersebut. Peserta adalah terdiri daripada agensi kerajaan, agensi swasta, ketua masyarakat, persatuan-persatuan, sekolah dan orang awam. Selain wakil daripada Pustaka Negeri Sarawak, pembentangan kertas kerja seminar turut melibatkan penceramah daripada jabatan lain seperti Perbadanan Harta Intelek dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Selain itu, 5 naskah buku yang bertajuk 'Yesterday's Frontier, Tomorrow's Powerhouse' yang diterbitkan oleh Pejabat Resident Bahagian Kapit telah diserahkan sendiri oleh Tuan Resident Bahagian Kapit iaitu Dahim Anak Nadot kepada Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.

Pameran juga turut diadakan di kawasan lobby Hotel Meligai yang melibatkan Bahagian Pengurusan Rekod, Bahagian Pengurusan Arkib dan Bahagian Penyerahan Bahan-bahan Terbitan Sektor Perkhidmatan Depositori.



PUSTAKA MIRI AND MEGA HOTEL'S YEAR-END BLOOD DONATION CAMPAIGN

oleh Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

YEARLY AFFAIR...Low, Salina and Dr. Manju (standing 6th to 4th right) with the donors and organizers during the Blood Donation Campaign 2010

MIRI – Pustaka Miri and Mega Hotel once again co-organized a Blood Donation Campaign to commemorate their respective anniversaries. The campaign was held on Saturday, 11th December 2010 at Mega Hotel's Mega 5 Function Hall. The event, which was organized with the assistance from Miri Blood Bank, was the fourth of such organized jointly by the two organizations since 2007. It was held in conjunction with Mega Hotel's 16th Anniversary on 12th December and Pustaka Miri's 8th Anniversary on 10th December. Out of the nearly 100 new and regular donors intended to donate, a total of 73 donors were fit and successful in doing the honorable deed.

The objective of the campaign was to build awareness on the importance of blood donation as it helps those in need as well as being a community project that involves all walks of life. It was also to assist Miri Blood Bank to stock up the blood supply for the festive season. Refreshment and tokens of appreciation were given to the donors. Also present during the campaign were Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi, Mega Hotel's General Manager Douglas Low and Miri Blood Bank's Officer-in-Charge Dr. Manju Inder.

FINNISH PUPPETEER BACK IN MIRI TO HOLD PUPPET SHOW

oleh Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

MIRI – Juha Laukkanen – a puppeteer from Puppet Theatre Sytkyt, Finland was back in Miri for the second time to hold another puppet show. Pustaka Miri worked together with the Subis District Council Library to bring the chirpy entertainer to perform at Bekenu Community Hall (Dewan Masyarakat Bekenu) on 23rd November 2010. The puppet show was specially conducted for primary and kindergarten children. Some 30 children came with their parents and teachers to watch the performance. Laukkanen performed four (4) short stories from Russia, Hungary, Africa and Finland itself. A puppet workshop was also conducted after the show that was participated by the children with their parents and teachers.



RARE OPPORTUNITY...(seated center) Laukkanen, Salina and Serina with the organizers and participants after the program

Apart from the puppet show and workshop in Bekenu, Pustaka Miri also held a 'Born To Read' session for those who came to the session. Also present during the program were Pustaka Miri's Regional Manager, Miss Salina Haji Zawawi and Subis District Council's Library Head, Madam Serina Salleh.

The objective of this school-break program was to introduce children to the experience of puppet theatre as well as introducing the concept of everyone being unique which is what makes each one special. The puppet show was also hoped to instil good moral values amongst children while teachers are able to incorporate puppetry into their teaching as to make it fun and exciting for children. Puppet Theatre Sytkyt is a touring professional theatre run by Laukkanen and Theatre Technician Arto Ollikainen. The theatre was founded 20 years ago and performances are held in Finland as well as internationally. They organises almost 250 performances yearly in venues such as day-care centres, children's parties and hospitals.

Laukkanen has been elected as UNICEF goodwill ambassador and has travelled around the world to perform including Thailand, Singapore, Egypt and China. Last year, he performed a tale of 'Sampo The Laplander' to the cheers and applause of some 200 children at Pustaka Miri.

EASY AS ABC...Librarian Ahmad Samsudin (right) conducting the 'Born To Read' session



MAKING FRIENDS...Juha Laukkanen presenting the story from Russia

FUNFILLED ACTIVITIES AT PUSTAKA MIRI'S 8TH ANNIVERSARY ANNUAL DINNER & FAMILY DAY

by Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

MIRI - Pustaka Miri held its Annual Dinner and Family Day 2010 on 15 and 16 October 2010 to commemorate its 8th Anniversary. The event, which was organized by Pustaka Miri's Sports and Recreation Club (KSR), was held at a leading hotel here where the library staff and their family members took part in the various fun-filled activities organized. Staff and family members came in their sleeping attires for the annual dinner that was themed 'Pyjamas Nite'. ICT technician Kaberi Sinau and library assistant Adelin Mohd. Adenan were announced Best Pyjama-Dressed Male and Female respectively. During the dinner, there were also birthday celebration, lucky draws, party games and live band performance.

The next day, the Pustaka family had fun in the sun as there were tele-match games held at the hotel's beachfront. Beforehand, an aerobics session was held to loosen the muscle for the games. Staff and their families were split into three (3) groups to participate in the games, which included four-legged race, gunnysack race, 'eat-what-is-served', 'how-long-can-you-stretch' and 'egg-sponge-bottle' contests. Team 'Kuda Belang' emerged champion, followed by 'Star' and 'Lanun' respectively.

The successful events show the closeness, unity and teamwork, which are some of the admirable qualities and values in Pustaka Miri.

Also present were Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi and Pustaka Miri's KSR Chairman Abdul Aziz Haji Kassim.

ONE FOR THE ALBUM...Staff and family members after the exhausting yet fun day in the sun.

BAKAT TERPENDAM...Acara bola lisut (roundes) yang telah diadakan baru-baru ini

SAYA SOKONG...Pemilihan wakil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) juga diadakan secara santai selepas Hari Kecergasan. Georgiana Usun Jok telah dipilih sebagai wakil MJB bagi Pustaka Miri sesi 2011-2012

Di atas inisiatif KSR ini, adalah diharapkan agar semua staf dapat mengasah bakat masing-masing di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di samping dapat mewujudkan suasana di tempat kerja yang ceria, aktif serta melahirkan staf yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental.

ZZZZZZ...Staff of Pustaka Miri in their sleeping attires pose for group photo after the dinner

BEST DRESSED... Adelin (left) and Kaberi who won the Best Pyjamas Female and Male respectively

ONE FOR THE ALBUM...Staff and family members after the exhausting yet fun day in the sun

HOW FAST CAN YOU GO?...One of the games was the four-legged race which saw many stumbling clumsily

HARI KECERGASAN PUSTAKA MIRI

oleh Izarudiin Moss (izaruddin@sarawaknet.gov.my)

MIRI - Ke arah melahirkan staf yang sihat dan berketrampilan, Pustaka Miri telah merancang pelbagai aktiviti untuk mencapai objektif tersebut. Di antaranya ialah dengan mengadakan sesi senaman aerobik secara mingguan untuk staf dan tidak ketinggalan untuk orang awam. Baru-baru ini, Hari Kecergasan telah diperkenalkan khas untuk semua staf Pustaka Miri bagi meningkatkan dan memantapkan kekuatan fizikal dan mental di samping untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja.

Terbahagi kepada dua (2) kategori; aktiviti sukan luaran dan permainan dalaman telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Lebih menarik lagi, semua staf telah dibahagikan mengikut kumpulan iaitu Super Power, Team Br8, D'Tokk Generation dan Black Jack. Aktiviti sukan yang dipertandingkan adalah seperti futsal, bola tampar, bola jaring dan bola lisut.

Hari Kecergasan untuk aktiviti sukan luaran diadakan pada setiap minggu terakhir pada setiap bulan yang diadakan di Gelanggang Rekreasi Piasau manakala sukan dalaman seperti congkak, batu seremban, ping pong, dart dan dam haji diadakan pada minggu kedua setiap bulan bertempat di Pustaka Miri.

PUSTAKA MIRI & MALAYSIAN NATURE SOCIETY MIRI ORGANIZED 'CONGREGATING FIREFLIES ZONE' PROGRAM

by Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)



CONCENTRATION... Two of the contestants showing their coloring.

SHARING KNOWLEDGE...

Musa Musbah - Project Executor for MNS Miri CFZ Program presenting his findings on fireflies in Miri



MIRI – Pustaka Miri together with its smart partner, the Malaysian Nature Society (MNS) Miri Branch organized a special program on 'Congregating Fireflies Zone' on 6th November 2010.

The objective of the program was to introduce the public to 'Congregating Fireflies Zone' (CFZ) and the importance of riverside ecosystem as well as update members of the public on the condition of reefs in Miri. It was also hoped that the program has been able to expose the public to relevant issues related to the environment.

The program involved a Fireflies Coloring Contest for children aged between nine (9) to twelve (12) years old and a Talk & Slideshow Session on 'Congregating Fireflies Zone' as well as Update on 'MNS Miri Reefcheck'. Such program, as well as many others, is in line with Pustaka Miri's effort in promoting lifelong learning and knowledge sharing amongst the community.

TALENTED KIDS...


The winners for the coloring contest with their colourful artworks



The winners for the coloring contest were:

- First Place** Priscilla Hoong (SK Bintang)
- Second Place** Edward Tiong Yung Teck (SJK Chung San)
- Third Place** Ho Wan Ling (SJK Chung Hua Lutong)
- Fourth Place** Wong Lee Jin (SJK Chung Hua Krokop)
- Fifth Place** Darolyn Tie Chin Shian (SJK Chung Hua Krokop)
- Sixth Place** Ivy Tan Tsung Lyn (SJK Chung Hua Miri)

MENJAMU SELERA... Para tetamu disajikan dengan pelbagai hidangan hari raya



ERATKAN SILATURRAHIM... Tetamu terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama



TANDA TERIMA KASIH... Salina (berdiri dua dari kanan) bersama para tetamu dari Curtin University, SOSWE, Columbia Asia Hospital, Borneo Post dan Persatuan Melayu Miri



MENHIBURKAN... Staf Pustaka Miri yang berbakat dalam bidang nyanyian menghibur para tetamu dengan nyanyian lagu-lagu hari raya

'LAN BERAMBEH RAYA @ PUSTAKA MIRI'

oleh Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

MIRI – Lebih 300 orang Rakan Pustaka Miri telah menghadiri majlis 'Lan Berambéh Raya @ Pustaka Miri' yang diadakan bersempena Hari Raya Aidilfitri 1431H pada 2 Oktober 2010.

Rakan Pustaka Miri adalah terdiri daripada rakan-rakan pintar (smart partners) yang bekerjasama dalam mengadakan aktiviti dan program pembelajaran sepanjang hayat, rakan-rakan media dan juga para ahli / pengguna. Bertempat di Laman Terbuka Aras Bawah, majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang telah diberikan selain daripada mengeratkan silaturrahim.

Para tetamu telah dirai dengan hidangan istimewa Hari Raya sambil berpeluang beramah-mesra dengan pihak pengurusan serta staf Pustaka Miri. Mereka juga dihiburkan dengan nyanyian lagu-lagu raya secara karaoke.

Turut hadir adalah Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Salina Haji Zawawi.



BERGAMBAR KENANGAN...Rombongan Gerakan Pemasarakatan Minat Baca, Indonesia semasa melawat Pustaka Negeri Sarawak

LAWATAN GERAKAN PERMASYARAKATAN MINAT BACA (GPMB) JAKARTA, INDONESIA KE PUSTAKA NEGERI SARAWAK

oleh **Fatimah Yahya** (fatimahy@sarawaknet.gov.my)

Tanggal 29 November 2010 yang lalu, seramai 18 orang pelawat yang terdiri dari ahli Persatuan Gerakan Pemasarakatan Minat Baca (GPMB) Jakarta, Indonesia yang terdiri daripada beberapa perpustakaan daerah dan negeri telah mengadakan lawatan ke Pustaka Negeri Sarawak. Mereka telah disambut mesra oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Wan Mazli Wan Razali, Ketua Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan beberapa para pegawai Pustaka.

Kunjungan mereka ke Pustaka yang diadakan hampir setiap tahun ini bertujuan untuk mempelajari serta berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan perpustakaan untuk meningkatkan minat baca dikalangan masyarakat. Sepanjang lawatan ke Pustaka, mereka telah diberi taklimat ringkas oleh Encik Wan Mazli Wan Razali mengenai perkhidmatan U-Library. Taklimat ringkas ini telah mendedahkan para pelawat mengenai perkhidmatan U-Library yang akan disediakan kepada umum tidak lama lagi bagi memudahkan orang ramai untuk meminjam buku secara atas talian. Semasa sesi soal jawab, para pelawat telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap perkhidmatan tersebut yang merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan minat baca dikalangan masyarakat. Selain itu, para pelawat dari Jakarta ini turut di beri penerangan mengenai Pengurusan Ilmu oleh Encik Musa Bin Ayub dan Cik Amalina Drahman. Latihan amali mengenai proses Pendigitalan bahan-bahan perpustakaan dari Encik Zainal Ali turut diadakan dan telah mendapat perhatian yang mendalam dari rombongan GPMB ini. Aktiviti lain yang turut diberikan adalah sesi lawatan berbandu untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan di Pustaka yang dikendalikan oleh Encik Muhamad Ali.



IKHLAS DARI KAMI...Sesi bertukar pemberian cenderamata di antara ketua rombongan pelawat dengan pihak Perpustakaan Rujukan MBKS

Selain Pustaka, para rombongan juga diberi pendedahan tentang perkhidmatan di beberapa perpustakaan di sekitar Kuching selama 2 hari. Pada hari pertama lawatan mereka diiringi oleh dua orang penolong pegawai Pustaka Negeri iaitu Encik Muhamad Ali dan Puan Norzihan Abdullah yang juga bertindak sebagai pegawai perantara untuk lawatan ke Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Perpustakaan Universiti Teknologi Swinburne. Manakala para hari kedua para rombongan telah dibawa ke Perpustakaan Rujukan MBKS dan Pusat Sumber Tun Abang Haji Openg, diiringi oleh penolong pegawai perhubungan awam dan perpustakaan, Cik Alya Faeegah Hamali dan Cik Sharifah Seria Wan Razali. Sepanjang lawatan ke beberapa perpustakaan tersebut, mereka telah disambut mesra oleh para pegawai dan kakitangan setiap perpustakaan dan ternyata mereka amat berpuas hati dengan layanan mesra serta kerjasama yang telah diberikan. Oleh yang demikian, Pustaka Negeri Sarawak juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada perpustakaan yang telah terlibat dalam menerima kunjungan lawatan dari Gerakan Pemasarakatan Minat Baca, Jakarta, Indonesia ini.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) WAKIL PEKERJA 2009-2010

oleh **Laurena Aloh** (laurenaa@sarawaknet.gov.my)

Setelah memegang tampuk pimpinan MBJ Wakil Pekerja, Pustaka selama setahun, kini Ahli Jawatankuasa MBJ Wakil Pekerja (2009-2010) akan mengundur diri untuk memberi laluan kepada AJK baru yang akan mengambil alih tugas sepenuhnya pada bulan Januari 2011 ini nanti. Namun demikian mungkin ramai staf baru dan juga lama yang tidak mengenali siapakah AJK MBJ Wakil Pekerja, 2009-2010. Seramai 7 orang ahli kesemuanya dibawah pimpinan saya sendiri selaku presiden dan Puan Alveana selaku setiausaha. Manakala ahli-ahli lainnya termasuk Encik Bronny Lawrence Nawe, Encik Muhd Ali Wahab, Encik Kian Tungku, Encik Zainal Ali, Cik Afiza Ibrahim serta Puan Adeline Adenan, wakil untuk Pustaka Miri.



MBJ Wakil Pekerja, 2009-2010

Sepanjang tahun 2009-2010, perjuangan MBJ Wakil Pekerja telah bermesyuarat sebanyak 8 kali (mesyuarat AJK) dan 4 kali bersama pihak pengurusan menurut jadual tahunan yang telah ditetapkan. Di antara kejayaan ketara yang telah dicapai oleh MBJ Wakil Pekerja, 2009-2010 adalah seperti berikut:

1. RANDAU

Merupakan cadangan staf yang telah diimplementasikan dengan jayanya. Ianya bercorak satu forum di mana para staf, secara beramai-ramai dapat bersemuka dengan pihak pengurusan pada satu masa yang dirancang. Di sini, para staf dapat mengutarakan secara lisan atau bertulis pandangan, cadangan dan ada kalanya keluhan perasaan tentang hal-hal berkaitan kerja, kemajuan kerjaya dan persekitaran tempat kerja. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 3 majlis RANDAU dapat disempurnakan tetapi hanya sekali dapat diadakan di Pustaka Miri kerana faktor kos.



Semasa sidang RANDAU

2. RAWATAN SEGERA DI PUSAT PERUBATAN DAN PAKAR NORMAH UNTUK STAF KUMPULAN SOKONGAN

Rawatan segera ke Pusat Pakar Perubatan Normah telah dipanjangkan kepada Kumpulan Sokongan di mana kos perubatan dibayar dahulu oleh Pustaka Negeri sebelum dibayar balik oleh pihak Insurans.

3. ELAUN CERMIN MATA

Semua staf adalah layak untuk memohon bayaran balik kos pembuatan cermin mata baru sekiranya berlaku perubahan kepada 'degree' cermin mata mereka (juga merangkumi semua staf yang belum pernah memakai cermin mata), yang dihadkan kepada RM100 setahun.

4. STAF KONTRAK LAYAK BERKURSUS

Semua staf kontrak kini layak untuk dipertimbangkan berkursus mengikut bidang kerja yang berkaitan.

5. KEMUDAHAN KASUT KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN, KP 11

Semua Pengawal Keselamatan kini dibekalkan dengan sepasang kasut keselamatan (Safety Shoes) sebagai sebahagian daripada kemudahan pakaianseragam mereka.

6. KERUSI RODA DAN KERUSI LEBIH AGRONOMIK UNTUK STAF

Kemudahan kerusi roda diluluskan kepada staf golongan istimewa dan kerusi lebih agronomik untuk semua staff juga telah diluluskan oleh pihak pengurusan dan dilakukan berperingkat-peringkat.

Pengundian calon AJK MBJ baru untuk 2011-2012 telahpun dilaksanakan oleh para staf dari 29 November sehingga 3 Disember yang lepas. Tanih diucapkan kepada para staf yang telah dipilih.

Semoga Berjaya!

Presiden - Encik Ramdzan Saman
Setiausaha - Puan Ismewatti Narawi

AJK Lain:

1. Ammie Syarina bt. Mohd. Jelani
2. Maurice Braoh
3. Herrie Suliano
4. Zuriawati bt. Laili
5. Fatimah bt. Yahya
6. Georgiana Usun Jok



Semasa sidang RANDAU

REVOLUSI MERAH ANUGERAH BINTANG DI KONVENSYEN ICC KEBANGSAAN 2010

oleh **Laurena Aloh** (laurenaa@sarawaknet.gov.my)

SYABAS KEPADA KUMPULAN REVOLUSI...
berpeluang dijemput untuk bertanding di persada kebangsaan pula di Konvensyen ICC Kebangsaan 2010 anjuran MPC kali ini. Memperjuangkan projek KIK yang bertajuk 'Pemulangan Buku Lambat', Revolusi telah memenangi Anugerah Dua Bintang.



Pustaka Negeri Sarawak merupakan antara lebih daripada 38 buah agensi kerajaan di bawah kategori Perkhidmatan Awam yang bertanding untuk bergelar juara di konvensyen ini dengan jumlah lebih daripada 2000 orang peserta yang turut mengambil bahagian. Pustaka Negeri juga telah mengambil kesempatan ini menghantar empat orang ahli KIK dari dua buah Pihak Berkuasa tempatan sebagai pemerhati. Mereka dipilih di kalangan agensi PBT yang mempunyai KIK yang aktif dan berfungsi.

MINGGU INOVASI PUSTAKA

oleh **Laurena Aloh** (laurenaa@sarawaknet.gov.my)



Cadangan Inovatif/Q



Mohd. Aidiq
Kategori: Cadangan Terpilih dan Penyertaan Terbanyak

Henry Leo Lee Kuang
Kategori: Cadangan Terpilih



Nelly Yusnita Bj. Khedif
Kategori: Cadangan Terbaik dan Terpilih

Sambutan Minggu Inovasi Pustaka telah dilangsungkan pada 13 sehingga 17 Disember 2010. Majlis pelancaran telah disatukan dengan Majlis Pelancaran Seminar Perpustakaan Peringkat Zon Selatan II yang juga turut berlansung pada minggu yang sama. Majlis ringkas ini telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pengawai Eksekutif. Majlis tersebut turut diraikan lagi dengan upacara penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada inisiatif-inisiatif inovasi yang telah dilakukan sepanjang tahun. Antaranya adalah Cadangan Inovasi, aktiviti 5S dan Audit Inovasi.

MINGGU INOVASI PUSTAKA



Wan Mazli Wan Razali
Kategori: Pemenang Individu



Nesly Rebid
Kategori: Pemenang Individu Harapan (i)

Jamilah Juli
(diwakili oleh Pn Ammie Syarina)
Kategori: Juara Individu (Pustaka Miri)



CONAN @ SRR
Kategori: Kumpulan Harapan




BEN10 @ SRR
Kategori: Kumpulan Harapan



Tantaru Sinbei @ SRR
Kategori: Kumpulan Terbaik



Haspidawati Bujang
(diwakili oleh Nor Asemah Drahman)
Kategori: Pemenang Individu



Ramzan Hj. Saman
(mewakili semua AJK Audit Inovatif)
Sijil Penghargaan, AJK Audit Inovatif 2009/2010



Mohd Abdullah B. Hamdan, Norzihan Abdullah dan Suhaimi B. Bemban
Kategori: Pemenang mencipta Lagu 5S Pustaka



Aktiviti-aktiviti yang sempat dijalankan sempena Minggu Inovasi Pustaka kali ini juga termasuk Hari Bersama Pelanggan, Kempen Menderma Darah, Kutipan Derma untuk Children Cancer Society.

Dengan penukaran nama Bahagian Kualiti di Pustaka kepada Bahagian Inovasi seperti yang disarankan oleh Jabatan Ketua Menteri pada 11 November 2010 merupakan satu perkembangan terbaharu di arena pengurusan kualiti di jabatan-jabatan kerajaan. Diharapkan usaha ke arah inovasi akan terus disambut baik oleh semua warga Pustaka untuk tetap tekat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya. Pustaka Boleh!!

STAFF NEWS

Selamat Pengantin Baru



Nama Staf
Siti Khairunnisa Bt. Rosli
Bahagian Pengurusan Korporat

Nama Pasangan
Shahrul Bin Ahmad

Tarikh Perkahwinan
18 Disember 2010



Nama Staf
Mohammad Abdullah B. Hamdan

Nama Pasangan
Norsofia Bt. Hasbi

Tarikh Perkahwinan
21 Mei 2010

Bersanding
11 November 2010



Nama Staf
Ahmad Hadafi B. Pozi
Sektor Perkhidmatan Depositori

Nama Pasangan
Sarina Bt. Sahari

Tarikh Perkahwinan
28 November 2010

STAF BARU

Nama
Siti Khairunnisa Binti Rosli
Jawatan
**Penolong Pegawai Tadbir
Gred N27**

Bahagian/Sektor
**Bahagian Inovasi/Sektor
Pengurusan Korporat**

Tarikh Mula Melapor
1 November 2011



Nama
Fazrul Bin Sapiee
Jawatan
**Pengawal Keselamatan
Gred KP11**

Bahagian/Sektor
**Bahagian Pengurusan
Bangunan/Sektor Pengurusan
Korporat/Pustaka Miri**

Tarikh Mula Melapor
1 November 2011

Nama
Idris Bin Morni
Jawatan
Juruteknik Gred J17
Bahagian/Sektor
**Bahagian Pengurusan
Bangunan/ Sektor
Pengurusan Korporat**

Tarikh Mula Melapor
1 November 2011



Nama
Joseph Ngang Pulo
Jawatan
**Pengawal Keselamatan
Gred KP11**

Bahagian/Sektor
**Bahagian Pengurusan
Bangunan/ Sektor Pengurusan
Korporat/Pustaka Miri**

Tarikh Mula Melapor
1 November 2011

LIST OF VISITS TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK

	OKTOBER 2010	TUJUAN	JUMLAH PELAWAT
1	Lawatan Sekolah Kebangsaan Riuh Daso	Lawatan Sambil Belajar	48 Murid / 4 Kakitangan & 48 Ibubapa
6	Lawatan SK All Saints Plaman Nyabet	Lawatan Sambil Belajar	29 Murid & 9 Guru
8	Lawatan SK Hulu Bernam Selangor	Lawatan Sambil Belajar	24 Murid & 12 Guru
9	Lawatan SK Grogo, Bau	Lawatan Sambil Belajar	80 Murid & 2 Guru
9	Lawatan Kelab Permainan Dalam UNIMAS	Lawatan Sambil Belajar	80 Murid & 2 Guru
14	Lawatan SMK Muara Tuang	Lawatan Sambil Belajar	21 Murid & 5 Guru
20	Lawatan dari MRSM	Lawatan Sambil Belajar	24 Orang Pelajar & Guru
21	Lawatan SK Pendam	Lawatan Sambil Belajar	39 Murid & 5 Guru
27	Lawatan SK Sungai Stutong	Lawatan Sambil Belajar	27 Orang Pelajar & Guru
29	Lawatan dari UTM, Skudai Johor	Lawatan Sambil Belajar	70 Orang
29	Lawatan Tabika Kemas Kpg Rambungan	Lawatan Sambil Belajar	21 Murid, 22 Guru & Ibubapa
30	Lawatan CPT of Girl's Bridget 6th Kuching Company	Lawatan Sambil Belajar	35 Murid & 2 Guru
30	Lawatan SK Patung	Lawatan Sambil Belajar	50 Pelajar & 20 Guru
NOVEMBER 2010			
3	Lawatan SMK Sungai Tapang	Lawatan Sambil Belajar	120 Murid & 10 Guru
5	Lawatan SJK Tapah	Lawatan Sambil Belajar	2 Guru, 2 Pembantu, 2 ibubapa, 50 Pelajar
6	Lawatan Badan Perpustakaan, Kearsipan & Dokumentasi, Indonesia	Lawatan AM	60 Orang
9	Lawatan SJK Chung Hua Serayan / Selarat	Lawatan Sambil Belajar	40 orang Murid & 6 Guru
10	Lawatan SK Hj Bujang	Lawatan Sambil Belajar	32 Murid & 5 Guru
10	Lawatan SK St. David, Bumbok	Lawatan Sambil Belajar	47 Murid & 5 Guru
12	Lawatan SK Saint, Alphonsus, Julau	Lawatan Sambil Belajar	31 Pelajar & 7 Guru
12	Lawatan SK Kerteh, Terengganu	Lawatan Sambil Belajar	29 Pelajar & 15 Guru
18	Lawatan SJK Chung Hua Paku	Lawatan Sambil Belajar	35 Pelajar & 5 Guru
29	Lawatan Gerakan Pemasarakatan Minat Baca (GPMB), Jakarta Indonesia	Lawatan Sambil Belajar	25 orang
DISEMBER 2010			
4	Lawatan Perpustakaan Universitas Tanjungpura, Pontianak	Lawatan Am	25 orang
22	Lawatan Sambil Belajar Lembaga Pengawas SMK Song 2010	Lawatan Am	35 orang
24	Lawatan SMK Datuk Haji Abdul Rahman Yakub (SEDAYA)	Lawatan Am	51 orang Pengawas & 10 orang Guru
24	Lawatan KEMAS	Lawatan Am	30 orang
29	Lawatan Pusat Bimbingan Berprestij	Lawatan Am	20 orang

LIST OF VISITS TO PUSTAKA MIRI

	OKTOBER 2010	TUJUAN	JUMLAH PELAWAT
8	Lawatan dari BIBCo Participants	Lawatan Am	35 Pegawai
9	Lawatan dari SR Sekim Lamber	Lawatan Sambil Belajar	5 Guru & 76 Pelajar
15	Lawatan dari Tadika Methodist Miri	Lawatan Sambil Belajar	10 Guru & 90 Pelajar
19	Lawatan dari SK Lambir Village	Lawatan Sambil Belajar	10 Guru & 86 Pelajar
20	Lawatan dari Lighthouse Education	Lawatan Sambil Belajar	8 Guru
30	Lawatan dari SK Batu Tellingai	Lawatan Sambil Belajar	10 Guru & 80 Pelajar
NOVEMBER 2010			
6	Lawatan dari SK Menuang Limbang	Lawatan Sambil Belajar	10 Guru & 36 Pelajar
13	Lawatan dari PIBG SK Kampung Bulau	Lawatan Sambil Belajar	25 Guru & 22 Pelajar
24	Lawatan dari SMK Methodist Sibu	Lawatan Sambil Belajar	70 Pelajar
25	Lawatan dari TABIKA KEMAS Tudan	Lawatan Sambil Belajar	5 Guru & 12 Pelajar
25	Lawatan dari Early Learning Centre	Lawatan Sambil Belajar	5 Guru & 40 Pelajar
DISEMBER 2010			
17	Lawatan dari Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei	Lawatan AM	48 Pegawai
21	Lawatan dari Lighthouse Education	Lawatan Sambil Belajar	20 Guru